

Bil. S 30

**AKTA PERIKANAN
(PENGAL 61)**

**PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN
(LADANG TERNAKAN IKAN), 2002**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran.
2. Tafsiran.
3. Kawasan yang ditetapkan.
4. Lesen.
5. Perihal ikan.
6. Kawalan kawasan dan spesies ikan.
7. Pemindahan peralatan.
8. Pemeriksaan.
9. Kuarantin.
10. Perkhidmatan.
11. Pengecualian.

JADUAL — BAYARAN

**AKTA PERIKANAN
(PENGAL 61)**

**PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN
(LADANG TERNAKAN IKAN), 2002**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 5 dari Akta Perikanan, maka Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Perikanan (Ladang Ternakan Ikan), 2002.

Tafsiran.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"ladang ternakan ikan" bermakna sebarang bangunan atau tempat di mana ternakan ikan dijalankan dan termasuk semua struktur dan peralatan di dalam bangunan atau tempat itu;

"lesen" bermakna suatu lesen ladang ternakan ikan yang dikeluarkan di bawah peraturan kecil (3) peraturan 4.

"penyakit berjangkit" bermakna sebarang jenis penyakit berjangkit atau mudah merebak, yang mendatangkan bahaya kepada ikan lain atau spesies ikan;

"ternakan ikan" bermakna sebarang kegiatan yang melibatkan pemeliharaan, pembiakan dan pengalakan pertumbuhan ikan dalam kurungan atau di atas dasar laut di dalam perairan wilayah;

Kawasan yang ditetapkan.

3. Pengarah boleh menetapkan kawasan-kawasan yang di dalamnya penternakan ikan boleh dijalankan di ladang ternakan ikan dan boleh menentukan spesies ikan yang akan dternak dalam tiap-tiap ladang ternakan ikan.

Lesen.

4. (1) Tiada sesiapa pun boleh mendirikan, mengusahakan atau menyelenggara suatu ladang ternakan ikan melainkan jika dia mempunyai suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Permohonan bagi suatu lesen ladang ternakan ikan hendaklah dalam borang sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Pengarah.

(3) Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu lesen ladang ternakan ikan setelah bayaran yang ditetapkan dalam Bahagian I Jadual dibayar dan lesen tersebut hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam lesen itu.

(4) Pengarah boleh enggan mengeluarkan suatu lesen ladang ternakan ikan atau boleh mengubah syarat-syarat lesen itu atau mengenakan syarat-syarat lain sebagaimana yang difikirkannya patut atau membatalkan sebarang lesen yang sudah dikeluarkan tanpa memberikan sebarang sebab.

Perihalan ikan.

5. Sekiranya sebarang keraguan timbul tentang perihalan yang betul bagi spesies ikan yang ditenak di bawah lesen itu, nama dan perihalan yang diberikan oleh Pengarah hendaklah dianggap sebagai betul.

Kawalan kawasan dan spesies ikan.

6. Pengarah boleh menghadkan bilangan lesen yang boleh dikeluarkan di mana-mana kawasan dan berkaitan dengan sebarang spesies ikan yang akan ditenak.

Pemindahan peralatan.

7. (1) Pemegang lesen hendaklah apabila lesen itu tamat tempohnya atau dibatalkan atau apabila dia berhenti mengusahakan ladang ternakan ikan itu, memindahkan dengan serta-merta atau dalam tempoh masa sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh seseorang pegawai melesen atau Pegawai Yang Diberi Kuasa, sebarang struktur, tiang, sauh, pelampung dan peralatan tambahan yang digunakan untuk menternak ikan.

(2) Jika pemegang lesen gagal mematuhi peraturan kecil (1), seseorang pegawai melesen atau Pegawai Yang Diberi Kuasa boleh memindahkan atau merobohkan struktur tersebut dan sebarang perbelanjaan yang dilakukan kerana memindahkan atau merobohkannya hendaklah dibayar oleh dan boleh didapatkan kembali daripada pemegang lesen.

Pemeriksaan.

8. Mana-mana Pegawai Yang Diberi Kuasa boleh memasuki mana-mana ladang ternakan ikan pada bila-bila masa yang bersesuaian untuk memeriksa premis dan ikan atau untuk mengambil contoh bagi dianalisis atau sebarang maksud lain yang berkaitan untuk memastikan bahawa sebarang syarat lesen itu atau peruntukan-

peruntukan Peraturan-Peraturan ini telah dipatuhi atau bahawa ikan atau kolam yang berkaitan dengannya itu adalah bebas dari sebarang penyakit berjangkit, mengikut mana yang berkenaan.

Kuarantin.

9. (1) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun yang berlawanan dalam sebarang undang-undang bertulis yang lain, jika mana-mana Pegawai Yang Diberi Kuasa berpuas hati, selepas memeriksa atau mengambil contoh yang disebutkan dalam peraturan 8, bahawa ikan atau kolam yang berkaitan dengannya itu dijangkiti oleh suatu penyakit berjangkit, dia boleh menyebabkan supaya ikan atau kolam itu diasingkan atau diletakkan di bawah pemerhatian perubatan selama suatu tempoh sebagaimana yang mungkin difikirkannya perlu untuk mencegah penyakit itu dari merebak.

(2) Peraturan kecil (2) peraturan 10 hendaklah dikenakan, dengan perubahan-perubahan sebagaimana yang mungkin perlu, kepada peraturan ini.

Perkhidmatan.

10. (1) Atas permohonan mana-mana orang, Pengarah boleh, jika difikirkannya patut, membenarkan mana-mana pegawai perikanan untuk menjalankan perkhidmatan sebagaimana yang disebutkan dalam Bahagian II Jadual di dalam atau di atas mana-mana ladang ternakan ikan.

(2) Pemohon hendaklah membayar kepada Pengarah atau mana-mana Pegawai Yang Diberi Kuasa kerana melaksanakan perkhidmatan itu, bayaran yang ditetapkan dalam Bahagian II Jadual.

Pengecualian.

11. Pengarah boleh jika difikirkannya patut mengecualikan mana-mana orang dari semua atau mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

JADUAL(peraturan-peraturan
4{3} dan 10{2})**BAYARAN****BAHAGIAN I**

Lesen \$50.00 setiap kegiatan setahun

BAHAGIAN II**Perkhidmatan kuarantin**

- (i) Anak ikan \$10.00 setiap 100,000 atau sebahagian-nya
- (ii) Anak udang \$10.00 setiap 100,000 atau sebahagian-nya
- (iii) Baka \$20.00 setiap 10 atau sebahagiannya

Analisis mutu air

- a. Biasa \$3.00 setiap contoh
- b. Tertentu \$5.00 setiap ujian

Pengesahan penyakit

- a. Lawatan \$20.00 setiap lawatan
- b. Analisis makmal
 - (i) bagi parasit \$5.00 setiap contoh
 - (ii) bagi kuman \$5.00 setiap contoh
 - (iii) bagi histopatologi \$5.00 setiap contoh

Latihan \$100 seorang

Diperbuat pada hari ini 5 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1423 bersamaan dengan 18 haribulan Mei, 2002.

PEHIN ORANG KAYA SETIA PAHLAWAN
DATO SERI SETIA HAJI AWANG ABDUL RAHMAN BIN
DATO SETIA HAJI MOHD TAIB
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama,
Negara Brunei Darussalam.